



MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Pesona SEREMBAN

EDISI 1 | 2020

MAMPAN . BERSIH . SEJAHTERA



ISTIADAT PENGISYIHKARAN MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

6


MAJLIS
PELANCARAM
PERKHIDMATAN BAS
PERCUMA

12

EKSPLORASI
JEJAK WARISAN
SEREMBAN

8-9

LAPORAN KHAS
COVID-19





SIDANG REDAKSI

Penaung

YBHG. DATO' HAJI ZAZALI BIN SALEHUDIN
 Datuk Bandar
 Majlis Bandaraya Seremban

Penasihat

TUAN MAS MIDYAWAN BIN YAHYA
 Setiausaha
 Majlis Bandaraya Seremban

Ketua Pengarang

EN. ALIAS BIN MANSOR
 Ketua Unit Komunikasi Korporat

Editor

PN. NABILAH BINTI ABU TALIB
 Pegawai Tadbir

EN. MUHAMMAD SYAMIL BIN KHALID
 Penolong Pegawai Penerangan

NUR WAHIDA BINTI SHAMSU ARIFFIN
 Penolong Pegawai Penerangan

Diterbitkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
 MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
 Wisma MBS, Persiaran Forest Heights 1,
 Jalan Seremban -Tampin, 70450 Seremban,
 Negeri Sembilan Darul Khusus

Tel: 06 - 765 4333

Fax: 06 - 765 4889

Website : www.mbs.gov.my

Emel : serembancitycouncil@mbs.gov.my

Facebook : Majlis Bandaraya Seremban

Twitter : @mbseremban

Instagram : @mbseremban

Hak Cipta Terpelihara:

Sebarang penerbitan semula buletin ini
 di dalam apa jua bentuk TIDAK DIBENARKAN
 kecualidengan kebenaran bertulis
 daripada pentadbiran
 Majlis Bandaraya Seremban.

ISI KANDUNGAN

Sidang Redaksi	i
Dari Meja Datuk Bandar	1
Istiadat Pengisytiharan Majlis Bandaraya Seremban	2-3
Istiadat Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Seremban	4
Mesyuarat Majlis Penuh	5
Majlis Pelancaran Perkhidmatan Bas Percuma Bandar Raya Seremban Tahun 2020	6
Lawatan Khas YAB Menteri Besar Negeri Sembilan Dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia Ke Majlis Bandaraya Seremban	7
Laporan Khas Covid-19	8-9
Majlis Perasmian Ruang Niaga Tingkat Atas Pasar Besar Seremban	10
Karnival Mini Kesihatan 2020	11
Eksplorasi Jejak Warisan Seremban	12
Datuk Bandar Turun Padang	13-14
Tahniah MBS	15
Lawatan Kerja	16
Majlis Penyerahan Bubur Lambuk Kepada Kakitangan Majlis Bandaraya Seremban	17
Kunjungan Hormat	18-19
Majlis Perasmian Bilik Gobok Infaq Majlis Bandaraya Seremban	20
Celik Integriti	21



Dari Meja Datuk Bandar



*Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,
Salam Bersih. Muafakat. Sejahtera.*

Syukur kepada Yang Maha Esa kerana dengan izin dan limpah-Nya Buletin MBS Bil. 1 Tahun 2020 telah dapat diterbitkan.

Majlis Bandaraya Seremban (MBS) telah ditubuhkan pada 01 Januari 2020 hasil daripada penggabungan dua entiti iaitu Majlis Perbandaran Seremban (MPS) dan Majlis Perbandaran Nilai (MPN). Istiadat Pengisytiharan Majlis Bandaraya Seremban telah diadakan pada 20 Januari 2020 dan telah disempurnakan oleh DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir bertempat di Wisma MBS, Seremban.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh warga kerja MBS dan masyarakat di bawah pentadbiran Majlis kerana telah banyak memberikan sokongan, sumbangan, pendapat dan penyertaan dalam meningkatkan lagi taraf perkhidmatan Majlis ke satu tahap yang lebih tinggi

Seperti sedia maklum, tahun ini adalah merupakan tahun yang amat mencabar bukan sahaja di Malaysia malah dunia akibat daripada penularan wabak Covid-19 yang juga telah diisyiharkan sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Saya ingin menyeru kepada semua masyarakat khususnya di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban agar sentiasa mengamalkan langkah - langkah pencegahan yang sewajarnya dalam memutuskan rantaian jangkitan wabak Covid-19. Saya juga ingin mengucapkan setinggi - tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua petugas barisan hadapan yang sanggup mempertaruhkan nyawa demi negara yang tercinta.

Sesuai dengan tarafnya sebagai bandar raya, tugas penjawat awam semakin mencabar dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik. Oleh itu, semua pegawai dan kakitangan Majlis dituntut untuk sentiasa komited dan menunjukkan komitmen yang tinggi semasa menjalankan tugas dalam merealisasikan agenda Kerajaan. Semua warga MBS juga perlu menggandakan usaha, meningkatkan potensi serta kompetensi diri bagi memastikan hasrat untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat dapat direalisasikan.

Masyarakat sentiasa mengharapkan perkhidmatan terbaik daripada pihak Majlis. Walaupun terdapat kekangan untuk memberikan perkhidmatan terbaik, saya mempunyai keyakinan yang amat tinggi kepada warga MBS untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan sebaiknya. Aduan awam pula akan sentiasa dipantau dan sedaya upaya akan diselesaikan mengikut kemampuan Majlis. Pentadbiran Majlis juga akan sentiasa mengadakan pelbagai aktiviti bersama komuniti dan kemasyarakatan untuk manfaat masyarakat setempat dalam suasana Norma Baharu.

Akhir kata, saya berharap agar MBS sentiasa dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada tahap yang terbaik dalam melaksanakan segala tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada masyarakat dalam kawasan pentadbirannya sesuai dengan motto Majlis Bandaraya Seremban iaitu Mampan, Bersih dan Sejahtera.


DATO' HAJI ZAZALI BIN SALEHUDIN
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

ISTIADAT PENGISYTIHARAN MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Negeri Sembilan melakar satu lagi sejarah apabila dua entiti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Perbandaran Seremban (MPS) dan Majlis Perbandaran Nilai (MPN) secara rasminya digabung dan dinaik taraf kepada Majlis Bandaraya Seremban (MBS) berkuatkuasa 01 Januari 2020.

Istiadat pengisytiharan telah diadakan pada 20 Januari 2020 dan disempurnakan oleh DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir, bertempat di Wisma MBS, Seremban.

Upacara istiadat pengisytiharan bermula dengan YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyerahkan surat cara pengisytiharan tersebut kepada DYMM Tuanku dan seterusnya menyerahkannya kepada YAB Dato' Seri Haji Aminuddin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan dan menghadap DYMM Tuanku serta membaca Surat Cara pelantikan YBhg. Dato' Haji Zazali bin Salehudin sebagai Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban yang pertama.





EDISI 1 | 2020

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Pesona SEREMBAN

MAMPAN . BERSIH . SEJAHTERA



Kemudian YBhg. Datuk Bandar mengadap dan melafazkan penerimaan jawatan serta mempersesembahkan ikrar setia. DYMM Tuanku kemudian berkenan memakaikan kalung jawatan serta menyerahkan Cokmar kepada YBhg. Datuk Bandar.

Yang turut berangkat, DYMM Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Tuanku Aishah Rohani Binti Almarhum Tengku Besar Mahmud. Turut mencemar duli dua anakanda baginda, YAM Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhauddin Ibni Tuanku Muhriz dan YAM Tunku Zain Al-'Abidin Ibni Tuanku Muhriz. Yang turut hadir, YTM Undang Yang Empat dan YM Tok Puan - Tok Puan, YTM Tunku Besar Tampin dan YM Tunku isteri, YAM Dato' Shahbandar Sungai Ujong dan YM Cik Puan, YB Dato' Haji Zulkefly Mohamad Bin Omar, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, YB Dato' Dr. Razali Bin Ab Malik, Setiausaha Kerajaan Negeri, barisan Exco Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Setiausaha MBS, Ketua Jabatan dan Ketua Unit serta pegawai-pegawai MBS.





MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Pesona SEREMBAN

EDISI 1 | 2020

MAMPAH . BERSIH . SEJAHTERA

PROGRAM BANDAR RAYA

ISTIADAT MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Seramai 24 orang Ahli Majlis telah mengangkat sumpah menerima jawatan sebagai Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Seremban bagi tahun 2020/2021.

Pihak pengurusan tertinggi Majlis mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua Ahli Majlis yang dilantik dan diharapkan Ahli Majlis dapat memberi komitmen sepenuhnya dalam membantu pentadbiran Majlis meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada masyarakat dan mencapai sasaran yang telah ditetapkan.





MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Pesona SEREMBAN

EDISI 1 | 2020

MAMPAK . BERSIH . SEJAHTERA

PROGRAM BANDAR RAYA

MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.1/2020 MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN / 2 JANUARI 2020



Majlis Bandaraya Seremban julung kalinya telah mengadakan Mesyuarat Majlis Penuh Bil. 1/2020 pada 2 Januari 2020 yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Haji Zazali bin Salehudin, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban bertempat di Bilik Dato' Klana Petra, Wisma MBS.

Mesyuarat turut disertai oleh, Ahli Majlis, Setiausaha, Ketua Jabatan dan Ketua Unit, MBS.

Mesyuarat turut dihadiri oleh YB ADUN Kawasan Seremban sebagai pemerhati perjalanan mesyuarat serta rakan-rakan media.





MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Pesona SEREMBAN

EDISI 1 | 2020

MAMPAK . BERSIH . SEJAHTERA

PROGRAM BANDAR RAYA

MAJLIS PELANCARAN PERKHIDMATAN BAS PERCUMA BANDAR RAYA SEREMBAN TAHUN 2020



Pada 05 Mac 2020 yang lalu, Kerajaan Negeri Sembilan telah melancarkan inisiatif perkhidmatan Bas Percuma Bandar Raya Seremban dan pelancaran kalender acara - acara pelancongan di Negeri Sembilan tahun 2020 yang dilancarkan oleh YAB Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan bertempat di Medan Selera Ampangan, Seremban.

Laluan bas percuma ini melibatkan kawasan Terminal 1, Wisma MBS, Pusat Dakwah dan UTC Ampangan.

Bas - bas percuma ini beroperasi pada setiap hari Isnin hingga Jumaat bermula jam 6.00 pagi hingga 10.00 malam, manakala pada hari Sabtu, Ahad serta cuti umum, bas akan beroperasi bermula jam 7.30 pagi hingga 5.30 petang.

Turut hadir pada majlis pelancaran ini ialah barisan kepimpinan tertinggi Kerajaan Negeri Sembilan, YBhg. Dato' Haji Zazali bin Salehudin, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban, pegawai dan kakitangan MBS, pihak media dan penduduk setempat.



MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Pesona SEREMBAN

EDISI 1 | 2020

MAMPAK . BERSIH . SEJAHTERA

LAWATAN KHAS

LAWATAN KHAS YAB MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN DAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA KE MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Pada 07 Januari 2020, Pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban (MBS) telah menerima satu kunjungan lawatan khas oleh YAB Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan bersama YBhg. Dato' Mohd Khairul Adib bin Abdul Rahman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam sempena Lawatan Turun Padang Datuk Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Bersama Penjawat Awam di Negeri Sembilan

Dalam lawatan itu juga, YBhg. Dato' Mohd Khairul Adib bin Abdul Rahman telah menyerahkan waran perjawatan Majlis Bandaraya Seremban kepada YB Dato' Dr. Razali bin Ab Malik, Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan dan disaksikan oleh YAB Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun Menteri Besar Negeri Sembilan.





MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Pesona SEREMBAN

EDISI 1 | 2020

MAMPAK . BERSIH . SEJAHTERA

LAPORAN KHAS COVID-19

PENGOPERASIAN BILIK OPERASI COVID-19 MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Bermula 18 Mac 2020 yang lalu, Majlis Bandaraya Seremban (MBS) telah memulakan pengoperasian Bilik Operasi Covid-19 yang terletak di Wisma MBS di Forest Heights 1, Seremban. Bagi memudahkan urusan orang ramai untuk berhubung, pihak MBS telah mewujudkan talian terus di 06-765 4284. Waktu operasi Bilik Operasi Covid-19 MBS pula adalah dari jam 8.00 Pagi sehingga 5.00 Petang (Isrin-Jumaat) sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Objektif pengoperasian bilik operasi ini pula adalah bagi menyelaras dan melaksanakan Prosedur Operasi Standard (SOP) arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikeluarkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kerajaan Negeri Sembilan. Bilik Operasi Covid-19 ini juga bertindak untuk menyelaras dan menyalurkan aduan awam berkaitan pematuhan arahan dalam tempoh PKP kepada pasukan pemantau serta menyelaras aktiviti pemantauan premis-premis perniagaan, aktiviti di tapak bina dan turut bertindak dalam menyampaikan maklumat terkini berkaitan arahan PKP kepada warga Bandar raya Seremban melalui media sosial dan laman sesawang rasmi MBS.



LAPORAN KHAS COVID-19

OPERASI PEMBERSIHAN DAN DISINFEKSI KAWALAN COVID-19



Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa, Majlis Bandaraya Seremban telah mengambil inisiatif dengan mengadakan Operasi Pembersihan dan Disinfeksi Covid-19 di beberapa kawasan dalam pentadbiran Majlis. Sebahagian operasi turut melibatkan beberapa agensi lain yang berkaitan dan tumpuan diberikan di kawasan awam yang telah dikenalpasti.

Objektif operasi juga adalah sebagai tindakan pencegahan yang diambil oleh pihak MBS dalam menangani pandemik Covid-19 yang sedang melanda Negara ini khususnya dan dunia amnya.

Operasi disinfeksi ini dilakukan juga adalah bagi mengekang penularan jangkitan Covid-19 daripada terus merebak ke kawasan tumpuan awam yang lain dengan melakukan semburan disinfeksi permukaan dan dapat mengurangkan risiko penyebaran virus.





MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Pesona SEREMBAN

EDISI 1 | 2020

MAMPAK . BERSIH . SEJAHTERA

PROGRAM BANDAR RAYA

MAJLIS PERASMIAN RUANG NIAGA TINGKAT ATAS PASAR BESAR SEREMBAN

Pada 05 Mac 2020, Majlis Bandaraya Seremban (MBS) telah mengadakan Majlis Perasmian Ruang Niaga Tingkat Atas Pasar Besar Seremban. Pasar ini bukan sahaja menjadi nadi sumber menjana pendapatan malah ianya memudahkan orang ramai di sekitar bandar raya ini dalam mencari bahan – bahan mentah untuk masakan.

Untuk rekod, pada tahun 2017, Pasar Besar Seremban telah mengalami kebakaran yang menyebabkan kerosakan pada hampir keseluruhan Tingkat 1 dan merosakkan sistem pendawaian elektrik bangunan. Para peniaga pula telah hilang punca pendapatan dan mengalami kerugian yang besar.

Majlis Perasmian Ruang Niaga Tingkat Atas Pasar Besar Seremban ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan dengan gimik menandatangani plak perasmian.

Turut hadir pada majlis ini ialah barisan kepimpinan tertinggi Kerajaan Negeri Sembilan, barisan ketua jabatan peringkat persekutuan dan negeri, YBhg. Dato' Haji Zazali bin Salehudin, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban, Tuan Mas Midyawan bin Yahya, Setiausaha Majlis Bandaraya Seremban, Ketua Jabatan dan Ketua Unit MBS, pegawai dan kakitangan MBS, peniaga - peniaga Pasar Besar Seremban serta pihak media.





MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Pesona SEREMBAN

EDISI 1 | 2020

MAMPAK . BERSIH . SEJAHTERA

PROGRAM BANDAR RAYA

KARNIVAL MINI KESIHATAN 2020



Dalam meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan penjagaan kesihatan terutamanya kepada warga Majlis Bandaraya Seremban, Badan Kebajikan Islam, Anulae dan Kelab Sukan Majlis Bandaraya Seremban telah menganjurkan Karnival Mini Kesihatan 2020 pada 05 Mac 2020 bertempat di Ruang Legar, Wisma MBS.

Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Haji Zazali bin Salehudin, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban dan turut melawat kesemua booth - booth pameran yang ada.

Pelbagai agensi turut terlibat dalam program ini dengan mengadakan pelbagai aktiviti dan pameran seperti;

- i. Pemeriksaan Kesihatan
- ii. Kempen Derma Darah
- iii. Pemeriksaan Pergigian
- iv. Pameran Kesihatan
- v. Pertandingan Mewarna

Hadir sama ialah Kol. Bersekutu (PA) Haji Adnan bin Mat Presiden CUEPACS dan barisan Pegawai tertinggi CUEPACS Negeri Sembilan, Tuan Mas Midyawan bin Yahya Setiausaha Majlis Bandaraya Seremban, Ketua Jabatan dan Ketua Unit MBS, pegawai dan kakitangan Majlis.





MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Pesona SEREMBAN

EDISI 1 | 2020

MAMPAK . BERSIH . SEJAHTERA

PROGRAM BANDAR RAYA

EKSPLORASI JEJAK WARISAN SEREMBAN

Bagi meningkatkan promosi produk pelancongan di Negeri Sembilan amnya dan Seremban secara khususnya, Majlis Bandaraya Seremban (MBS) telah mengadakan Program Eksplorasi Jejak Warisan Seremban pada 31 Januari 2020.

Program ini telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Haji Zazali bin Salehudin, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban, Tuan Mas Midyawan bin Yahya, Setiausaha MBS serta Ketua Jabatan dan Ketua Unit MBS untuk melihat produk pelancongan yang telah dibangunkan iaitu Jejak Warisan Seremban.

Antara Checkpoint Jejak Warisan Seremban yang dilawati ialah Stesen Keretapi Seremban, 0 Kilometer, Kuil Sri Bala, Masjid Negeri, Taman Tasik Seremban, Galeri Diraja Tuanku Jaafar dan Pokok Getah Pertama Negeri Sembilan.





MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Pesona SEREMBAN

EDISI 1 | 2020

MAMPAK . BERSIH . SEJAHTERA

PROGRAM DATUK BANDAR TURUN PADANG

LAWATAN TURUN PADANG DATUK BANDAR KE STADIUM HOKI, SEREMBAN 2 | 24 JANUARI 2020

Pada 24 Januari 2020, YBhg. Dato' Haji Zazali bin Salehudin Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Sesi Lawatan Turun Padang ke Stadium Hoki, Seremban 2.



LAWATAN TURUN PADANG DATUK BANDAR KE KAWASAN NILAI | 27 FEBRUARI 2020



YBhg. Dato' Haji Zazali bin Salehudin Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Sesi Lawatan Turun Padang ke beberapa kawasan di Nilai pada 27 Februari 2020, Antaranya ialah:-

1. Lawatan ke Pejabat Jualan Sime Darby, Bandar Ainsdale. Taklimat telah disampaikan oleh Pihak Sime Darby Bandar Ainsdale
2. Lawatan ketapak cadangan membina dan menyiapkan infrastruktur sebahagian Jalan Persiaran Ainsdale Selatan
3. Lawatan ke tapak cadangan Tanah Perkuburan di Batang Benar, Nilai (Bersama agensi luar yang lain seperti Pejabat Tanah Dan Daerah Seremban, PLAN Malaysia, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dan Pemaju BBN Development Sdn. Bhd.
4. Lawatan ke Kaunter Bayaran Majlis Bandaraya Seremban (Cawangan Nilai)
5. Lawatan ke tapak cadangan melebarkan jalan di pusat pelancongan Bukit Melati, Bandar Baru Nilai





MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Pesona SEREMBAN

EDISI 1 | 2020


MAMPAH . BERSIH . SEJAHTERA

PROGRAM DATUK BANDAR TURUN PADANG

LAWATAN TURUN PADANG DATUK BANDAR KE TAPAK PEMBINAAN MENARA TELEKOMUNIKASI, S2 HEIGHT

| 6 FEBRUARI 2020

YBhg. Dato' Haji Zazali bin Salehudin Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan lawatan ke tapak pembinaan Menara telekomunikasi di rizab tangki air (SAINS) berhampiran Saujana Duta, S2 Height.



LAWATAN TURUN PADANG DATUK BANDAR KE LAMAN BASIKAL DAN TAMAN MALAYSIA, SEREMBAN

| 23 FEBRUARI 2020

YBhg. Dato' Haji Zazali bin Salehudin Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Sesi Lawatan Turun Padang ke Laman Basikal dan Taman Malaysia, Seremban



LAWATAN MELIHAT PERSIAPAN KE TAPAK BAGI PEMBUKAAN KOLAM RENANG AWAM DAN PUSAT AKUATIK PAROI

| 2 JULAI 2020

YBhg. Dato' Haji Zazali bin Salehudin Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban telah melakukan lawatan melihat persiapan bagi pembukaan Kolam Renang Awam dan Pusat Akuatik Paroi





MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Pesona SEREMBAN

EDISI 1 | 2020

MAMPAK . BERSIH . SEJAHTERA

SEGMENT TAHNIAH MBS

MBS TERIMA ANUGERAH BANDAR PALING BAHAGIA TAHUN 2019



Warga kerja Majlis Bandaraya Seremban merakamkan penghargaan dan terima kasih di atas penganugerahan Bandar Paling Bahagia Tahun 2019 sempena Hari Kebahagiaan Sedunia 2020.



MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Pesona SEREMBAN

EDISI 1 | 2020

MAMPAH . BERSIH . SEJAHTERA

SEGMENT LAWATAN KERJA

LAWATAN KERJA PEGAWAI DAN KAKITANGAN LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH (KETENGAH) KE MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN | 16 JANUARI 2020



Seramai 14 orang pegawai dan kakitangan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) yang diketuai oleh En. Zainuddin bin Md Zaki, Timbalan Pengurus Besar Pembangunan, Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) telah mengadakan lawatan ke Nilai Square dan Pasar Borong Nilai 3

LAWATAN KERJA SERTA SESI PERBINCANGAN MEJA BULAT BERKENAAN PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN DI MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN | 9 MAC 2020



Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan telah mengadakan lawatan kerja serta sesi perbincangan meja bulat berkenaan pelaksanaan perakaunan akruan di Majlis Bandaraya Seremban bertempat di Bilik Dato' Klana Petra, Wisma MBS.



MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN


Pesona SEREMBAN

EDISI 1 | 2020

MAMPAK . BERSIH . SEJAHTERA

PROGRAM BANDAR RAYA

MAJLIS PENYERAHAN BUBUR LAMBUK KEPADA KAKITANGAN MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN | 15 MEI 2020



Bersempena dengan Bulan Ramadhan Al-Mubarak ini, pihak Badan Kebajikan Islam (BAKI) Majlis Bandaraya Seremban telah menganjurkan Majlis Penyerahan Bubur Lambuk kepada kakitangan Majlis Bandaraya Seremban

YBhg. Dato' Haji Zazali bin Salehudin Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban telah menyampaikan bubur lambuk kepada warga MBS melalui ketua jabatan masing – masing bertempat di Pejabat Datuk Bandar, Wisma MBS.

Turut hadir ialah TPr. Mohd Daud Bin Ahmad, Yang Dipertua BAKI sambil disaksikan oleh Tuan Mas Midyawan bin Yahya, Setiausaha Majlis Bandaraya Seremban.



MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Pesona SEREMBAN

EDISI 1 | 2020

MAMPAK . BERSIH . SEJAHTERA

SEGMENT KUNJUNGAN HORMAT

KUNJUNGAN HORMAT SEREMBAN HALF MARATHON

| 3 MAC 2020

Pada 03 Mac 2020, satu Kunjungan Hormat daripada Seremban Half Marathon oleh YAM Tunku Dato' Seri Utama Naquiyuddin Ibni Almarhum Tuanku Ja'afar dan YM Tunku Dato' Mohamed Alauddin Tunku Naquiyuddin ke atas YBhg. Dato' Haji Zazali bin Salehudin, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban di Wisma MBS



KUNJUNGAN HORMAT PRESIDEN CUEPACS MALAYSIA DAN BARISAN PEGAWAI TERTINGGI CUEPACS NEGERI SEMBILAN | 5 MAC 2020



Satu Kunjungan Hormat oleh Kol. Bersekutu (PA) Haji Adnan bin Mat Presiden CUEPACS dan barisan pegawai tertinggi CUEPACS Negeri Sembilan ke atas YBhg. Dato' Haji Zazali bin Salehudin, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban telah diadakan di Bilik Dato' Klana Petra, Wisma MBS



KUNJUNGAN HORMAT DARI TABUNG HAJI NEGERI SEMBILAN

| 12 MAC 2020

Kunjungan Hormat oleh Tuan Haji Khairoddin bin Ahmad Pengarah Lembaga Tabung Haji Negeri Sembilan bersama barisan pegawai ke atas YBhg. Dato' Haji Zazali bin Salehudin, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban di Pejabat Datuk Bandar, Wisma MBS





MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Pesona SEREMBAN

EDISI 1 | 2020

MAMPAH . BERSIH . SEJAHTERA

SEGMENT KUNJUNGAN HORMAT

KUNJUNGAN HORMAT DARI SWCORP NEGERI SEMBILAN

| 3 JUN 2020



Kunjungan Hormat oleh Encik Nordin bin Amat Pengarah Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (SWCORP) Negeri Sembilan ke atas YBhg Dato' Haji Zazali bin Salehudin, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban bertempat di Pejabat Datuk Bandar, Wisma MBS

KUNJUNGAN HORMAT DAN MESRA OLEH PERSATUAN WARTAWAN AKHBAR NEGERI SEMBILAN

| 4 JUN 2020



Kunjungan Hormat Dan Mesra oleh Persatuan Wartawan Akbar Negeri Sembilan Ke Atas YBhg Dato' Haji Zazali bin Salehudin, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban bertempat di Bilik Dato' Klana Petra, Wisma MBS



KUNJUNGAN HORMAT KEMAS NEGERI SEMBILAN

| 27 JUN 2020



Kunjungan Hormat oleh Tuan Muhamad bin Abu Bakar Pengarah KEMAS bersama barisan delegasi ke atas YBhg. Dato' Haji Zazali bin Salehudin, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban di Bilik Mesyuarat, Pejabat Datuk Bandar, Wisma MBS





MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Pesona SEREMBAN

EDISI 1 | 2020

MAMPAK . BERSIH . SEJAHTERA

PROGRAM BANDAR RAYA

MAJLIS PERASMIAN BILIK GOBOK INFaq MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN | 4 JUN 2020



Pada 04 Jun 2020 yang lalu, Pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban (MBS) telah mengadakan Majlis Perasmian Bilik Gobok Infaq bertempat di Wisma MBS.

Bilik Gobok Infaq ini merupakan sebuah inisiatif dari pihak Majlis sendiri sebagai medium kepada warga kerja MBS yang ingin menyumbang untuk diagihkan kepada kakitangan dalam golongan B40.

Antara bentuk sumbangan yang boleh disalurkan melalui platform ini ialah seperti pakaian, barang asas makanan, minuman dan lain - lain. Pengambilan barang juga terhad kepada 3 jenis barang sahaja untuk setiap penerima dengan keutamaan kepada kakitangan dalam golongan B40. Bagi waktu pengambilan pula adalah pada setiap 20 & 25hb setiap bulan mulai jam 9.00 Pagi hingga 11.00 Pagi.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Zazali bin Salehudin, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban. Disamping itu, YBhg. Datuk Bandar turut melawat dan melihat beberapa hasil sumbangan daripada pegawai dan kakitangan Majlis.



MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Pesona SEREMBAN

EDISI 1 | 2020

MAMPAH . BERSIH . SEJAHTERA

SEGMENT INTEGRITI



APA ITU INTEGRITI?

*Kejujuran dan
ketelusan,
kesempurnaan
keutuhan*

— KAMUS DEWAN EDISI 2000

Diterbitkan oleh :

Unit Integriti

Majlis Bandaraya Seremban





MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Pesona SEREMBAN

EDISI 1 | 2020

MAMPAK . BERSIH . SEJAHTERA

M B S



MEDIA SOSIAL MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

-  **Facebook** : *Majlis Bandaraya Seremban*
-  **Twitter** : *@mbseremban*
-  **Instagram** : *mbseremban*
-  **Laman Web** : www.mbs.gov.my

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Wisma MBS, Persiaran Forest Heights 1, Jalan Seremban - Tampin, 70450 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel : 06 765 4333 | Faks : 06 765 4889 | Emel : aduan@mbs.gov.my / serembancitycouncil@mbs.gov.my